



UCAPAN ALUAN

Y.B. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SAMBUTAN HARI IBU KEBANGSAAN 2016

HOTEL CENTURY, KUCHING, SARAWAK

15 MEI 2016 (AHAD)

11.00 PAGI

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan berkat kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul untuk meraikan satu acara yang amat bermakna pada setiap tahun buat seluruh keluarga di Malaysia iaitu Majlis Sambutan **Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2016** bertemakan **“Saya Sayang Ibu Saya”**.
2. It is with great honor that I express my deepest gratitude to The Honourable Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Raghad Kurdi Taib, wife of Yang di-Pertua Negeri Sarawak to officiate Mother's Day in Kuching, Sarawak.
3. Pada hari ini kita merasa amat berbangga dengan kehadiran Yang Berbahagia Toh Puan di atas kesudian untuk hadir dan merasmikan program ini. Toh Puan merupakan contoh terbaik perhubungan rapat di antara ibu dan anak. Untuk makluman hadirin sekalian, Toh Puan merupakan anak bongsu yang begitu rapat dengan ibu dan keluarga, di mana ibu beliau sanggup meninggalkan kampung halaman di Syria, dan tinggal di Kuching, Sarawak untuk sentiasa ada bersama Toh Puan di sini.
4. Happy Birthday and Congratulations to National Population and Family Development Board (NPFDB) on their 50 years successful existence.
5. My sincere appreciation to the Organising Committee of National Population and Family Development Board, the Federal and State

agencies, private sectors, NGOs, and the volunteers for the collaboration in organizing today's special event.

Ladies and gentlemen,

6. Our special theme for Mother's Day this year is "I Love My Mother"

We give thanks and pay respect to our mothers who lift us up every day. They are the ones who are the first to welcome us into the world.

7. They are our first friend and teacher, inspiring us to reach great heights and supporting us no matter what challenge we face or the path we choose. Today we come together to celebrate the women who raised us and who care and love us unconditionally.

8. Mothers are the pioneers who do whatever it takes to set us on the road to success and want nothing more than for us to lead happy and healthy lives.

9. Mothers are our nation's innovators, tireless workers, engines of economic growth and drivers of progress. Their "always forgiving" nature ensure harmony and strengthen our bonds of affection in the family.

10. The Honourable Toh Puan, please allow me to deliver my message in our national language.

Hadirin yang dihormati,

CABARAN INSTITUSI KELUARGA

11. Keluarga merupakan institusi penting yang menjadi teras dan tunjang pengukuhan sesebuah masyarakat. Kebelakangan ini, kebanyakan institusi keluarga di negara ini sedang berhadapan dengan kesan daripada urbanisasi, waktu kerja yang panjang, kos sara hidup meningkat serta kesan media sosial terhadap komunikasi dan perhubungan.

12. Menjadi seorang ibu bukan perkara yang mudah. Sama ada sebagai ibu sepenuh masa di rumah atau pun sebagai ibu bekerjaya. Hari ini, ramai ibu yang bekerjaya untuk menambah pendapatan keluarga. Oleh sebab kesibukan bekerja, ruang masa untuk anak dan keluarga terbatas. Penemuan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati sebanyak 18.7 peratus wanita bekerja mengalami masalah dalam mengimbangi peranan antara kerjaya dan keluarga dan kurang masa bersama keluarga merupakan masalah utama mereka. Selain itu, masalah penjagaan anak, kurang masa untuk diri sendiri dan beban tugas di tempat kerja merupakan antara masalah utama lain yang dihadapi oleh wanita berkerjaya. Lebih satu pertiga daripada mereka menyatakan kemudahan pusat penjagaan anak di tempat kerja antara sokongan yang diperlukan daripada majikan mereka.

13. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah menjadikan “Pengukuhan institusi keluarga sebagai teras masyarakat” sebagai keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Strategi ini akan dilaksanakan melalui inisiatif peningkatan kemahiran keibubapaan dan nilai kekeluargaan, menambah baik perkhidmatan kaunseling dan sistem sokongan keluarga. Di bawah strategi ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan berusaha supaya Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berupaya mencapai skor 8 daripada skala maksimum 10 menjelang tahun 2020.
14. Dalam masa yang sama, sebagai makluman hari ini iaitu 15 Mei, adalah tarikh Hari Keluarga Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*). Pada tahun ini, tema hari keluarga antarabangsa adalah, “*Families, Healthy Lives and Sustainable Future*“, yang mengajak masyarakat dunia untuk melihat kepada agenda pembangunan lestari 2030 yang memfokus kepada pembasmian kemiskinan, perkongsian kekayaan ekonomi, pembangunan sosial dan kesejahteraan penduduk sementara persekitaran alam dipertahankan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari keluarga antarabangsa kepada semua para hadirin dan masyarakat Malaysia.
15. Bersempena sambutan hari keluarga antarabangsa Kementerian saya dan LPPKN akan mengadakan bengkel Pelan Tindakan Kelestarian Keluarga 2017-2018 dalam usaha secara amnya

membangun strategi dan melaksanakan inisiatif yang mensejahterakan keluarga agar tahap kesejahteraan keluarga dapat dipertingkatkan.

16. Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan untuk melontarkan pertanyaan kepada hadirin semua, dalam kebanyakan kehidupan kita hari ini berapa kalikah kita menzahirkan penghargaan kepada ibu kita? Setiap hari? Seminggu sekali? Sebulan atau setahun sekali? Hanya andalah yang boleh memberi jawapannya. Oleh itu, sempena hari ibu yang jatuh pada Ahad kedua bulan Mei, marilah sama- menghargai ibu-ibu kita. Bukan pula bermakna kita hanya menanti Mei semata-mata, setiap masa adalah hari istimewa untuk meraikan insan tersayang. Tetapi sekurang-kurangnya sebagai peringatan kepada yang terlupa untuk menzahirkannya. Penghargaan ini boleh dizahirkan dalam banyak bentuk sama ada dengan perbualan telefon, ucapan sayang, pelukan dan ciuman keluarga, bantuan kepada ibu atau doa yang berterusan kepadanya. Penghargaan ini perlu sentiasa diberikan kepada ibu kerana jasa seorang ibu amat tidak ternilai harganya. Satu kajian atas talian yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat teknologi makanan (HappyFresh) terhadap 800 responden sempena hari ibu baru-baru ini, mendapati bahawa sejumlah 63 peratus wanita/ibu merasa cukup sekadar ucapan "terima kasih" yang diterima daripada anak-anak berbanding menerima hadiah seperti bunga dan barang kemas. Kajian ini dijalankan di peringkat Asean yang antara lain soalnya ialah apakah yang mereka inginkan sempena Hari Ibu.

17. Rasulullah S.A.W pernah bersabda, *"Tidak ada susu yang lebih baik bagi anak dari susu ibu."* Dalam pendidikan akhlak, Islam memberi kedudukan istimewa kepada ibu dan mengingatkan manusia tentang jerih payah yang mereka tanggung sepanjang hidupnya. Surah Luqman ayat 14 berbunyi, *"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan menjaganya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua orang tuamu, hanya kepada-Kulah kembalimu."*
18. Bagi masyarakat India pula, meskipun bapa memainkan peranan utama tetapi ibu adalah institusi yang paling dihormati dan dianggap mulia, 'Ibu adalah umpama Tuhan' dan anak perempuan juga dipanggil 'amma' seperti seorang ibu didalam tradisi India. Oleh itu, penjagaan anak perempuan amat dititik beratkan terutama ketika mereka masih dara.
19. Di penghujung ucapan saya, setinggi tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hjh. Raghad Kurdi Taib kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita di majlis ini untuk merasmikan program sambutan Hari Ibu 2016. Begitu juga ibu beliau yang turut sama hadir. Untuk makluman, ibu Toh Puan sanggup berkorban dan tinggal di Sarawak ini, demi Toh Puan yang merupakan anak bongsu dalam keluarga. Terharu saya dengan pengorbanan tersebut. Bahagiannya masih mempunyai ibu.

20. Dengan kata-kata demikian, sekian dulu ucapan aluan dari saya.
Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.